

02 AUG 1997

Daim - ekonomi

SERANGAN TERHADAP RINGGIT TIDAK GUGAT PERTUMBUHAN EKONOMI, KATA DAIM

PULAU PINANG, 2 Ogos (Bernama) -- Malaysia yakin dapat mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi yang mantap walaupun menghadapi serangan ringgit yang agak teruk, kata Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Tun Daim Zainudin hari ini.

Katanya, serangan terhadap ringgit itu tidak mengencatkan pertumbuhan ekonomi negara kerana faktor-faktor fundamental masih teguh di mana aktiviti eksport masih rancak dan permintaan masih tinggi.

Beliau memberitahu pemberita selepas hadir pada majlis Konvokesyen Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, ekoran corak permintaan negara yang masih tinggi, negara tidak akan menghadapi masalah pertumbuhan ekonomi.

Katanya, masalah kejatuhan nilai mata wang yang dihadapi oleh negara-negara Asia Tenggara sekarang adalah bermula dari Thailand dan jika negara itu boleh menghadapi keadaan berkenaan dan yakin menyelesaikannya, maka sudah tentulah Malaysia juga dapat menyelesaikannya.

Mengenai kegiatan menyerang ringgit itu, beliau berkata, ia bagaimanapun tidak menggugat keutuhan simpanan negara yang berjumlah lebih RM60 bilion dan kerajaan Malaysia juga telah bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

"Kita mempunyai strategi tertentu untuk menghadapi masalah itu dan ia tidak boleh dihebahkan", kata beliau.

Daim berkata, bagaimanapun, sikap berhati-hati adalah penting kerana keadaan sekeliling telah berubah dan ekonomi dunia kini adalah bersikap global.

Mengenai keadaan pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur yang tidak rancak bagi tempoh setengah tahun ini, beliau berkata, ada tanda-tanda bahawa pasaran saham akan rancak semula tidak lama lagi.

"Keadaan itu berlaku disebabkan dua faktor penting iaitu kadar faedah dan nilai ringgit", katanya.

Beliau berkata, berdasarkan kadar faedah sejak Julai ini didapati tidak lagi naik, maka terpulanglah kepada Bank Negara bagi menentukan kedudukan kadar faedah yang juga akan mempengaruhi pasaran saham.

Terdahulu itu, ketika mewakili Canselor USM Tuanku Syed Putra Jamalullail bagi membuka sidang konvokesyen itu, Daim yang juga pro-canselor berkata, usaha yang lebih pro-aktif masih diperlukan bagi menjadikan Malaysia Pusat Kecemerlangan Pendidikan di rantau ini.

Daim berkata, bagi mencapai matlamat itu, semua pusat pengajian tinggi harus mempertingkatkan kecekapan dan profesionalisme supaya menjadi lebih kompetitif dan melahirkan graduan yang lebih berkualiti.

Peng korporatan institusi pengajian tinggi akan dipercepatkan seperti yang dikehendaki oleh kerajaan kerana menerusi peng korporatan, universiti akan mempunyai kuasa autonomi yang lebih besar bagi mengurus dan mengelolakan institusi mereka secara dinamik dan pro-aktif.

Pada majlis itu juga, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Pengerusi Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir dan bekas Hakim Mahkamah Persekutuan Tan Sri Abdul Aziz Zain menerima Ijazah Kehormat kerana sumbangan masing-masing.

Dr Koh menerima ijazah kehormat Doktor Undang-undang, Marina dianugerahkan ijazah kehormat Sarjana Sastera manakala Abdul Aziz menerima ijazah kehormat Doktor Sains. -- BERNAMA

AA oba

